

# KEPERLUAN GURU TERHADAP AUTONOMI DAN GANJARAN DALAM MEMPENGARUHI PRESTASI KERJA

Haji Mohamad Zakaria Mat Khazani, PhD  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia*

Hajah Norhani Bebe Alta Miah  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor, Malaysia*

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana autonomi dan pemberian ganjaran memberi kesan kepada prestasi kerja guru-guru Matematik sekolah rendah di Negeri Pahang. Permasalahan awal yang dikenal pasti dalam kalangan guru ialah mereka menghadapi konflik dalam tugas, antara tugas rutin dan pengurusan. Situasi sebegini menyebabkan kebanyakan guru berasa seolah-olah mereka diberi layanan yang kurang wajar. Fokus utama kajian ini untuk melihat sama ada ketidakpuasan para guru Matematik ini disebabkan oleh tidak mendapat kuasa (empowerment) dalam menjalankan tugas atau / dan kemungkinan juga atas faktor ganjaran. Rekabentuk kajian ini adalah secara kuantitatif dan kualitatif iaitu melalui tinjauan dan kaedah temu bual. Sampel tinjauan dipilih menggunakan kaedah rawak berlapis dan rawak sistematik bagi mengambil 331 orang guru Matematik daripada 14 buah sekolah rendah di Negeri Pahang. Soal selidik tinjauan dilakukan secara pos manakala lima sampel temu bual dipilih secara rawak opotunistik dan dijalankan secara temu bual semuka. Data tinjauan soal selidik dianalisis dengan perisian SPSS versi 11.5. Analisis data menggunakan statistik diskriptif dan inferensi seperti peratus, Ujian-t, Compare Means-Independent Samples T Test, ANOVA Satu Hala, ujian Korelasi Pearson dan Regresi Berganda. Kajian ini mendapati dimensi autonomi dan pemberian ganjaran menunjukkan hubungan yang signifikan pada tahap yang tinggi dengan prestasi kerja. Dapatan ini menghendakkan pihak pentadbir sekolah mengambil kira pendekatan yang signifikan dengan prestasi kerja dan mengguna pendekatan pengurusan secara lebih terancang. Ganjaran boleh diberi dalam bentuk ekstrinsik ataupun intrinsik. Pemberian kuasa secara terkawal atau empowerment kepada subordinat perlu dijadikan amalan para pentadbir sekolah.*

**Kata Kunci:** *autonomi, ganjaran, prestasi kerja, empowerment, kepuasan*